

# SIARAN AKHBAR



Bahagian Hal Ehwal Awam dan  
Komunikasi Korporat Kumpulan  
Lembaga Tabung Haji  
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,  
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur  
Tel : 03 2054 2132  
Faks : 03 2164 0436  
Email : bkk@tth.gov.my

Tabung Haji Contact Centre  
Tel : 03 6207 1919  
Faks : 03 7728 4959

[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)

## TABUNG HAJI SERAH ZAKAT PERNIAGAAN TH 2012 KEPADA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS

**Arau, Perlis, 17 April 2013** – Lembaga Tabung Haji (**TH**) hari ini menyerahkan zakat perniagaannya kepada Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis berjumlah RM515,739.47.

Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Negeri Perlis telah berkenan menerima zakat tersebut bagi pihak Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis yang telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Paduka Ismee Ismail, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH** bertempat di Istana Arau, Perlis.

Pengagihan zakat **TH** ini adalah sebahagian daripada perolehan keuntungan pendapatan yang dicatatkan oleh **TH** untuk tahun kewangan 2012. Jumlah zakat untuk Negeri Perlis bagi tahun 2012 ini telah meningkat sebanyak 3% berbanding RM501,372.00 bagi tahun 2011.

Pembayaran zakat **TH** adalah berdasarkan kaedah modal kerja terlaras yang dilaksanakan mengikut pengiraan tahun kewangan semasa. Jumlah keseluruhan zakat perniagaan **TH** untuk tahun kewangan 2012 yang akan dibayar kepada negeri-negeri di Malaysia adalah sebanyak RM41.2 juta.

Turut hadir menyaksikan majlis tersebut adalah Tuan Haji Abdul Malik bin Hussin, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPs, wakil Baitulmal MAIPs serta para pegawai **TH**.

- Tamat -

---

## Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam operasi pengurusan Haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah perladangan, hartanah, pembinaan, perbankan, teknologi maklumat, minyak & gas asli, pelancongan, perkhidmatan dan makanan halal. **TH** mempunyai 119 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my) atau hubungi Tabung Haji Contact Centre ditalian 03-6207 1919.

*Untuk keterangan lanjut mengenai siaran akhbar ini, sila hubungi:*

<p><b>Hasri Hamidan</b> Pengurus Perhubungan Media Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lantai 16, Bangunan Tabung Haji 201 Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2125 Tel. Bimbit: 012 2444 117 Faks: 03 2164 0436 Email: <a href="mailto:hasri@lth.gov.my">hasri@lth.gov.my</a></p>	<p><b>Anis Zuhani Ahmad</b> Pengurus Besar Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lantai 16, Bangunan Tabung Haji 201 Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2132 Tel. Bimbit: 019 313 2972 Faks: 03 2164 0436 Email: <a href="mailto:anisz@lth.gov.my">anisz@lth.gov.my</a></p>
--	--